



ديوان بندر كوالالمبور

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

TINGKAT 17, BANGUNAN TH PERDANA

1001 JALAN SULTAN ISMAIL

50250 KUALA LUMPUR

TEL: 03-2617 1084 FAKS: 03-2693 7119 EMEL: cob@dbkl.gov.my

Ruj. Kami : (42)DBKL/JPPH/COBADMIN/21

Tarikh : 20 Julai 2015

PEKELILING COBKL 2015/04

Pengerusi
Badan Pengurusan Bersama (JMB) /
Perbadanan Pengurusan (MC)
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

KEWAJIPAN MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM) TANPA GAGAL.

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sebagaimana tuan/puan sedia maklum, berdasarkan peruntukan di bawah perenggan 10 (2) Jadual Kedua Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) jelas menyatakan bahawa "**mesyuarat agung tahunan berikutnya hendaklah diadakan dalam setiap tahun, dengan syarat bahawa tidak lebih daripada lima belas bulan boleh terlupus antara tarikh satu mesyuarat agung tahunan (AGM) dengan mesyuarat agung tahunan yang berikutnya**". Oleh hal demikian, setiap JMB dan MC di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah wajib mematuhi peruntukan tersebut.

3. Sekiranya didapati tuan/puan gagal/enggan mematuhi peruntukan tersebut, maka tindakan penguatkuasaan boleh diambil oleh pihak Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COBKL) berdasarkan peruntukan di bawah perenggan 34(2) Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 dimana **jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tempoh tiga tahun atau kedua-duanya sekali.**

4. Selanjutnya, tuan/puan adalah dinasihatkan untuk mematuhi dan mengikuti segala tatacara yang digariskan di bawah Jadual Kedua Akta 757 dalam mengadakan AGM tersebut. Bagi membantu tuan/puan, pihak COB juga ada menyediakan risalah berkenaan garis panduan tatacara pengendalian ringkas AGM berdasarkan Akta 757 dan

...2/-

ianya boleh dimuat turun di laman sesawang seperti berikut
http://www.dbkl.gov.my/index.php?option=com_jdownloads&Itemid=692&view=viewcategory&catid=55&lang=ms.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, tuan/puan boleh menghubungi bahagian COBKL di talian **03-2617 1084** atau emelkan ke cob@dbkl.gov.my. Kerjasama tuan/puan adalah amat diharapkan demi kesejahteraan bersama komuniti strata. Dikemukakan perkara di atas untuk makluman dan perhatian pihak tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG"



(Datuk Mhd. Amin Nordin bin Abd Aziz)

Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur

Merangkap Datuk Bandar Kuala Lumpur

s.k

Timbalan Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur

- Untuk makluman YBhg. Datuk